

Headline	NFCP bentuk persaingan sihat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	11 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	E1
ArticleSize	501 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,701		



# NFCP bentuk persaingan sihat

**MELAKA:** Model infrastruktur internet jalur lebar berkelajuan tinggi yang dibangunkan melalui projek perintis Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dilihat mampu membentuk persaingan sihat antara pemain industri telekomunikasi terutama 'penyedia rangkaian perkhidmatan' dan 'penyedia rangkaian gantian optik'.

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan Melaka Kerk Chee Yee berkata persaingan sihat antara pemain industri telekomunikasi itu penting dalam memberi perkhidmatan terbaik pada harga berpatutan yang seterusnya menguntungkan rakyat.

Beliau berkata pelaksanaan teratur dan mampan NFCP dilihat dapat mengurangkan kos pemasangan gantian optik untuk penyediaan perkhidmatan internet jalur lebar berkelajuan tinggi terutama di kawasan luar bandar selaras dengan dasar kerajaan bahawa internet adalah hak asas semua rakyat dan bukan keistimewaan kumpulan tertentu sahaja.

"Di Malaysia, kita mempunyai kira-kira 30 pembekal internet jalur lebar yang boleh menjalankan kerja pemasangan gantian optik. Mereka berhak bersaing sesama sendiri untuk menyediakan pakej internet mengikut kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

"Apa yang penting bagi saya

ialah mereka tidak terlebih caj dan perkhidmatan internet kelajuan tinggi itu mampu dimiliki rakyat," katanya dalam temu bual dengan Bernama.

Pelaksanaan NFCP, yang menggabungkan penggunaan gantian optik dan kesalinghubungan tanpa wayar, menasarkankan pencapaian garis dasar 98 peratus liputan jalur lebar di kawasan berpenghuni menjelang 2023, dengan kelajuan jalur lebar minimum pada kadar 30 Mbps.

Peranan utama untuk menajayakan pelan itu diamanahkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang diteraju Menterinya Gobind Singh Deo yang ingin melihat kesalinghubungan Internet di Malaysia dapat dinikmati setiap orang di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Projek perintis NFCP dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad di tiga kawasan di Jasin dekat sini iaitu Felda Tun Ghafar Kemend, Taman Merbau dan Taman Maju.

Kerk berkata masalah utama penyediaan internet oleh pemain industri telekomunikasi pada masa ini adalah kemampanan ekosistem industri itu iaitu bagaimana membekal internet berkualiti dengan liputan meluas kepada rakyat, dalam masa sama memberi impak positif dalam aspek perniagaan pemain industri itu.

"Kita tidak menyalahkan mana-mana pihak dalam isu ini kerana ia adalah masalah eko-

sistem dalam industri internet itu sendiri kerana penyediaannya memerlukan satu proses yang agak rumit dan pelaburan yang besar.

"Ini termasuk untuk memasang gantian optik, kerja menggali tanah dan permit kebenaran untuk proses berkenaan. Saya harap model NFCP ini dalam menjadi satu mekanisme untuk memberi lebih kemampanan kepada industri ini," katanya.

Dalam pada itu, Kerk berkata pembangunan NFCP yang mampan mampu mengubah struktur ekonomi dan sosial ekonomi setempat sekali gus memberi pelbagai kesan langsung kepada kehidupan rakyat secara menyeluruh selaras dengan perubahan landskap digital.

Katanya, ini kerana sebelum ini, penggunaan internet hanya untuk tujuan mendapatkan maklumat dan mengisi masa lapang dengan menonton video atau berkomunikasi namun perkhidmatan itu kini dapat digunakan secara lebih meluas dalam aktiviti seharian.

"Internet kini menjadi satu keperluan khususnya bagi industri perubatan, pemiagaan dan perkhidmatan termasuk sektor kerajaan kerana ia melibatkan perkongsian atau penyimpanan data besar atau 'big data' dan 'internet of things' (objek rangkaian internet)," katanya. - Bernama



**PENGERUSI** Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan Melaka, Kerk Chee Yee semasa temu bual dengan Bernama mengenai projek perintis Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) di pejabatnya di Seri Negeri Ayer Keroh, baru-baru ini. NFCP fokus kepada menyediakan internet berkelajuan tinggi kepada rakyat terutama di kawasan luar bandar seterusnya dilihat bakal memacu kehidupan mereka menuju era ekonomi digital. - Bernama